

'Bukan mudah muktamad rundingan pelbagai hala'

BH
- 4/11/2019
m/s: 2

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengakui rundingan pelbagai hala seperti Perkongsiian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bukan perkara yang mudah.

Dr Mahathir berkata, sukar untuk ASEAN dan enam negara yang menjadi rakan dagangan iaitu China, India, Australia, New Zealand, Korea Selatan dan Jepun memuktamadkan rundingan sedemikian.

"Kita mempunyai 16 negara dan hanya kerana satu negara meminta sesuatu yang kita tidak boleh terima, maka rundingan berkenaan tidak boleh diselesaikan.

"Rundingan pelbagai hala, malah dua hala pun bukan mudah. Ianya bukan seperti kita berbaik-baik dengan orang lain...saya setuju dengan anda dan anda setuju dengan saya," katanya pada sidang media selepas Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 dan sidang berkaitan di Pusat Konvensyen dan Pameran IMPACT, di sini, semalam.

RCEP merangkumi 10 negara anggota ASEAN bersama enam negara lain iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

Rundingan RCEP bermula sejak 2012 bertujuan meluaskan kerjasama ekonomi antara negara ASEAN dan enam rakan dagang lain dan ia masih menemui jalan buntu.

Jika ia berjaya dimuktamadkan, RCEP mampu menjadi blok perjanjian dagang terbesar dunia merangkumi satu pertiga Ke luaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) dunia.

Secara keseluruhan RCEP merangkumi 3.56 bilion penduduk membabitkan jumlah dagangan AS\$10.3 bilion.

Ditanya sama ada beliau kecewa dengan rundingan itu jika ia tidak boleh diselesaikan pada sidang kemuncak kali ini, Dr Mahathir berkata masalah berkaitan rundingan itu ialah mendapatkan persetujuan semua pihak dan jika ada yang tidak setuju maka ia tidak boleh dilakukan.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darel Leiking yang turut hadir pada sidang media itu, mengesahkan bahawa kebanyakan bab dalam rundingan itu selesai kecuali satu negara yang "tidak jelas" dengan pendiriannya membabitkan isu domestik.

Beliau berkata, pemimpin ASEAN dijangka mengeluarkan kenyataan bersama mengenai RCEP hari ini.



Kita mempunyai 16 negara dan hanya kerana satu negara meminta sesuatu yang kita tidak boleh terima, maka rundingan berkenaan tidak boleh diselesaikan.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri